

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Wednesday, January 1, 2020 4:51 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Tahun 2020 Pastikan Agenda Universiti Capai Sasaran



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

1 JANUARI 2020 / 5 JAMADILAWAL 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

TAHUN 2020 PASTIKAN AGENDA UNIVERSITI CAPAI SASARAN



UUM ONLINE: Memasuki tahun 2020, sudah pasti Universiti Utara Malaysia (UUM) mempunyai resolusi baharu dalam memastikan agenda yang dirancang menerusi Pelan Strategik UUM Fasa 2 (2016-2020) berjaya dicapai pada tahun ini.

Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani berkata, tahun ini merupakan tahun untuk melihat hasil atau '*result*' kepada setiap agenda yang telah dirancang pada tahun sebelum ini.

Menurutnya, beliau percaya dan yakin hasil kerjasama berpasukan untuk memastikan perancangan tersebut dapat dicapai sepenuhnya menjelang hujung tahun nanti.

"Bagi Pelan Strategik Fasa 3 (2021-2026), saya yakin ia juga mampu melonjak ke tahap lebih tinggi dan dengan jayanya lagi menerusi empat teras utama iaitu Teras 1 (Mempertingkatkan Kesarjanaan dan Pengantarabangsaan); Teras 2 (Pembangunan Modal Insan dan Pengurusan Bakat); Teras 3 (Membangun Mahasiswa Secara Holistik) dan Teras 4 (Menjana Kekayaan), selain penambahan teras baharu iaitu Teras 5 (Khidmat Masyarakat) kelak.

"Di samping itu, saya juga percaya atas pelantikan penjawat utama universiti pada tahun ini adalah mengikut kelayakan, berintegriti dan mampu membantu universiti untuk mendapatkan hasil dari perancangan dibuat," katanya pada Majlis Amanat Naib Canselor dan Penyampaian Watikah Pelantikan Penjawat Utama UUM 2020 di EDC Hotels & Resorts, pagi tadi.

Seramai 110 penjawat utama universiti hari ini telah menerima watikah pelantikan masing-masing yang disampaikan Naib Canselor dengan disertai Pendaftar, Baharudin Yaacob.

Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir berkata, pada tahun ini universiti mensasarkan untuk memastikan ranking UUM berada dalam Top 500 QS World Rankings 2020 dan Top 100 QS Asia 2020 Rankings.

Katanya, ranking adalah satu tanggungjawab, bukan sekadar angka kerana ranking ini juga yang akan membantu pelajar untuk membuat pilihan bagi melanjutkan pengajian ke universiti.

"Selain itu, universiti turut meletakkan penanda aras bagi penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan sasaran bagi 2020. Saya juga mahu melihat UUM meningkatkan kolaborasi dengan industri, menerokai kerjasama antarabangsa melalui institusi strategik dan mengadakan penyelidikan berimpak atau mempunyai pulangan pelaburan atau berasaskan permintaan.

"Di samping itu, universiti juga akan melaksanakan transformasi kurikulum program akademik melalui 'Kurikulum Kalis Masa Hadapan', pembangunan sistem HRMiS seiring perkembangan teknologi, selain tidak meninggalkan aspek sumber manusia dan kebajikan staf," katanya yang turut menfokuskan kepada pembangunan pelajar, perkhidmatan pelajar, pemerkasaan pelajar dan kecemerlangan graduan.

Pada majlis tersebut, Naib Canselor telah mengimbau pencapaian yang dikecapi universiti dari semasa ke semasa dari aspek rankings, akreditasi, pencapaian dana geran penyelidikan, pencapaian aktiviti R&D dan sasaran 2020, pencapaian pembiayaan luar, penglibatan julung kali dalam LIMA'19, projek Baju Kedah '*Cyntok Bhatik*' dan pemeteraian MoU dengan institusi pendidikan dan korporat serta Program 1 Pusat Pengajian 1 Daerah (1PP1D).

Selain itu, beliau turut membentangkan tentang pencapaian akademik menerusi rombakan kursus teras IT dan SULAM (*Service Learning Malaysia*) yang mana pelajar harus menjalankan aktiviti pemindahan ilmu dari bilik kuliah kepada komuniti setempat, selain insentif yang telah dilaksanakan seperti *Food Bank* dan juga pelaksanaan inisiatif dalam penajaan pendapatan dan penjimatan sumber kewangan.

Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir juga telah melancarkan Kempen '*We Are Global*' bagi tujuan memasarkan jenama UUM ke persada antarabangsa, selain peringkat nasional.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.